

## **Ledakan Dunia Baharu**

*Oleh Che Nooryohana Zulkifli*

Sudahkah kau dengar?  
Mustahil tidak dek laungannya mampu memekakkan telinga!  
Mengawal, menjerut sehinggakan bagai mati tanpanya.

Ya, benar!  
Perihalnya tidak lagi seperti dulu.  
Ketika kau dan aku asyik di tanah memijak rumput dan mendongak ke awan,  
Udaranya nyaman, selesa setiap hirupan.

Dikatakan kemajuan ini adalah keindahan,  
Inilah dia kecerdikan manusia di luar batasan biasa,  
Berita nun jauh sesaat cuma tiba di telinga,  
Pedulikan benar atau dusta,  
Merebaklah tidak kira di mana di pelosok dunia.

Dia disangka pejuang bangsa,  
Terlupa akan bisa dunia yang terlalu bahaya,  
Mata menyaksikan ramai wira telah diduga,  
Kecekalan diri diuji dengan ketaksuban dunia.

Tidak berharta maka disangka kurang bahagia,  
Bahagia terus diburu sehingga anak-anak terabai jiwanya,  
Lalu, bahagia dicari sendiri dengan sewenangnyanya,  
Terdidiklah mereka dengan apa sahaja yang menyapa.

Ilmu dicari tanpa gurunya,  
Semua di jari itulah asas didikannya,  
Hormat-menghormati perlu diasuh semula,  
Seperti tidak pernah kenal dari mana asal usulnya.

Dunia baharu ini tidak harus digulingkan,  
Inilah pentas pembuktian manusia telah berjaya,  
Namun, usah jatidiri disandarkan pada harta benda,  
Begitukah ukuran insan yang sudah berjaya?

Biarlah bangga itu diletak pada tempatnya,  
Bukan pada yang berharta dengan hakisan kemanusiannya,  
Biarlah dicerca kerana papa tanpa pitis berjuta,  
Anak itu mesti kenal laluan arah syurganya.